

"Bersih tak Bersih"



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

18/7/2011 24
NEGARA digegarkan dengan keinginan beberapa

NGO yang antikerajaan untuk mengadakan perhimpunan bersih 2.0. BERSIH telah diberikan nama sebagai jolokan kepada perhimpunan tersebut. Beberapa tokoh telah dikenalpasti untuk menjayakan BERSIH pada tanggal 9 Julai 2011. Namun betul ke BERSIH atau sebaliknya? Mengikut kamus bersih boleh diertikan sebagai suci dari sebarang najis mahupun anasir-anasir yang mengotorkan. Sedangkan daripada pembacaan dan maklumat yang didapati daripada internet mahupun akhbar BERSIH adalah golongan yang menjadi keldai kepada negara asing, telah terlatih dan dilatih oleh musuh-musuh dunia untuk menjahanamkan sistem politik negara. Mungkin musuh-musuh tersebut tidak dapat menawan dan menakluki mata wang negara pada

era pemerintahan Tun Dr. Mahathir telah mengubah taktik dengan merekrut golongan-golongan yang mudah kabur apabila melihat sinaran-sinaran wang, kuasa, pangkat, malah boleh juga dikatakan sebagai golongan yang tidak sedar dek untung kerana kemungkinan semasa belajar iaitu dari zaman kecil sampai dewasa pelbagai subsidi telah ditelan, malah mungkin untuk menjawat jawatan pun mungkin ditaja oleh kerajaan Malaysia. Kenapa golongan tersebut masih lupa dengan jasa kepimpinan negara? Mungkin musuh-musuh negara mengambil taktik baru kalau diserang dengan spekulasi mata wang, pihak pemimpin negara nampak dengan jelas, sedangkan kalau menggunakan musuh dalam selimut dan menyerang dari pelbagai penjurong lebih mudah untuk menghuru-harakan negara.

Kalau inginkan perubahan dalam pentadbiran bukan berhimpun secara haram caranya, gunakanlah saluran-saluran yang betul untuk mengubah mahupun merubahnya, bukan pula

seperti bencikan seorang pemimpin habis semuanya dibenci, bak kata pepatah dek seekor kerbau habis semua tercalit lumpurnya dan keamanan, kestabilan negara dipertaruhkan. Sejauhmanala agaknya kalau anda diberikan kuasa untuk mentadbir negara dalam tempoh tertentu?

Kenapa perkataan BERSIH digunakan dalam perhimpunan tersebut? Apa yang nak dibersihkan? Adakah selama ini tidak bersih sistem pilihanraya kita? Adakah semua negeri di Malaysia dimenangi oleh satu parti politik sahaja? Mengapa timbul isu untuk membersihkannya sedangkan sudah 53 tahun kita merdeka, adakah sistem pilihanraya yang menjadi masalah? Mengapa isu rasuah ditimbulkan dan menghentikan politik kotor? Tidak adakah pihak berkuasa yang boleh mengambil tindakan sekiranya rasuah berlaku? Dan rasuah bukannya sesuatu yang boleh dihentikan serta merta kerana disitu ada pemberi maka disitulah ada penerimanya. Kita sepatutnya bersyukur untuk mendapatkan

pekerjaan dalam perkhidmatan awam dalam negara, kita masih belum diminta untuk mengeluarkan satu sen pun sedang di negara jiran terpaksa membayar dalam jumlah-jumlah tertentu supaya dokumen boleh diproses dan mendapat jawatan. Mungkin BERSIH belum sedar dari tidur di mana bumi dipijak atau pun sudah naik lemak dengan dana-dana dari luar?

Pihak kerajaan juga tidak pernah menyekat warganegara untuk berhijrah dan bermastautin mahupun menukar taraf kewarganegaraan di mana-mana negara, mungkin ada sesetengah pendapat mengatakan kalau berani kita boleh persilakan golongan-golongan tersebut yang lebih sukakan demokrasi di negara asing? Kebebasan bersuara, kebebasan berakbar dan sebagainya. Buat apa lagi kalau tidak suka usahlah berdemonstrasi, berpekik sana sini, silap-silap perhitungan pertumpahan darah boleh berlaku, kerana daripada maklumat yang dipaparkan melalui media cetak dan elektronik juga mengatakan ada

senjata-senjata tajam disembunyikan di beberapa lokasi oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Jadi mungkin golongan-golongan bijak dan pintar tersebut mahukan huru-hara berlaku di dalam negara dan apabila berlaku maka dengan mudahnya rakyat turut sama dijadikan keldai kepada musuh-musuh negara. Penganjur-penganjur perhimpunan pula akan hidup senang lenang kerana mendapat tajaan tetapi sebaliknya rakyat yang terpaksa memikul kemiskinan. Apatah lagi dianggarkan lebih RM100 juta negara mengalami kerugian melalui premis-premis perniagaan, perhotelan dan sebagainya akibat daripada perhimpunan tersebut. Pelancong-pelancong asing juga bimbang dengan keselamatan mereka. Betapa jijik dan memalukan tindakan BERSIH kepada masyarakat Malaysia yang sukakan kedamaian. Adalah wajar kerugian besar yang dialami perlu dituntut kepada penganjur perhimpunan tersebut. Malah pada hari kejadian seluruh negara pihak polis terpaksa membuat sekatan

jalan raya di seluruh negara untuk memastikan tidak ada pengkhianat negara yang terlepas untuk ke perhimpunan tersebut. Tahniah kepada pihak yang berkuasa dan juga kepimpinan negara, walaupun ahli-ahli perhimpunan haram tersebut telah mengadakan perarakan besar-besaran, apabila ditahan mereka tetap diberikan layanan istimewa dengan diberikan makan minum secara percuma, tempat solat bagi orang muslim dan tidak ada unsur-unsur bias dalam melayan rakyat Malaysia walaupun secara terang lagi bersuluh mereka tidak menyokong pentadbiran negara. Mana ada layanan sebegitu istimewa di dunia ini kepada ahli perhimpunan haram? Sepatutnya bukalah mata seluas-luasnya, sucikan hati BERSIHkan akal supaya bersyukur dengan kemakmuran dan keamanan yang ditadbir-urus oleh kepimpinan negara sekarang.

Akibat daripada perhimpunan haram BERSIH juga pihak kerajaan terpaksa mengadakan penerangan

yang sepatutnya kepada negara-negara luar supaya pelabur-pelabur asing yang ingin membuat pelaburan di Malaysia kembali yakin dengan kestabilan negara. Tanpa pelaburan asing adakah negara kita akan maju? Jadi mungkin juga golongan-golongan yang cerdik pandai tersebut yang juga merupakan penganjur perhimpunan BERSIH diberikan tindakan yang sewajarnya demi memastikan keamanan negara tetap terpelihara. Adakah wajar petualang negara diagung-agungkan dan masih tidak malu berada di dalam negara yang sentiasa dikedecanya. Maka kredibiliti orang-orang sebegini perlu dillihat kelayakannya untuk menjadi seorang pemimpin. Adakah semangat cintakan negara berada di dalam sanubari mereka? Sejauh mana BERSIH dalam diri sehinggakan sanggup mencuba meruntuhkan keamanan negara maka BERSIH tak BERSIH namanya.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi/Ketua Sekretariat HEPA, UMS